

KONFLIK ANTARA FATWA-FATWA ZAKAT KE ATAS WANG CARUMAN DALAM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) DI MALAYSIA: ANALISIS FIQH

Conflicts Among *Fatwās* of *Zakāh* on Employees Provident Fund (EPF) in Malaysia: Fiqh Analysis

Luqman Haji Abdullah¹
Muhammad Ikhlas Rosele²

ABSTRACT

The *fatwās* of *zakāh* on EPF in Malaysia are different from one state to another and this cause confusions which need some clarification. This article intends to analyze the *fatwās* to identify factors of that differences and to find juristic justification of the *fatwās*. This study is qualitative in nature and will be depending heavily on the fiqh literatures and the texts of *fatwās*. This study found out that the differences of *fatwā* rised from the application of the condition of ownership and the technical application surround it.

Keywords: *zakāh*, *fatwā*, EPF, full ownership

¹ Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, luqmanabdullah@um.edu.my

² Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, ikhlas@um.edu.my

PENDAHULUAN

Setiap negeri di Malaysia mempunyai institusi fatwa yang tersendiri dan tidak berpusat pada kerajaan persekutuan. Setiap institusi fatwa tersebut adalah badan yang berautoriti dalam hal ehwal memutuskan hukum dan fatwa di setiap negeri masing-masing. Selain institusi fatwa negeri terdapat satu jawatankuasa fatwa peringkat kebangsaan telah ditubuhkan. Jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MJFMK). Ia ditubuhkan pada awal tahun 1970. Penubuhannya bertindak sebagai sebuah institusi fatwa peringkat kebangsaan di Malaysia dalam rangka menyelaras dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara.³ Jawatankuasa ini juga dianggap sebagai badan yang paling sesuai dalam menyelaras fatwa-fatwa di Malaysia dan memberi sokongan penyelidikan kepada badan-badan fatwa peringkat negeri.⁴

Kesan daripada kepelbagai institusi fatwa ini telah mewujudkan perbezaan fatwa yang diputuskan. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana peruntukan undang-undang mengenai kedudukan Islam umumnya adalah terbatas. Dalam undang-undang wujudnya pembahagian kuasa antara pihak berkuasa pusat dan negeri-negeri yang melibatkan soal bidangkuasa ke atas Islam. Seperti yang diketahui umum, persoalan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri⁵ seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 74(2) dan butiran 1. Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai bidang kuasa Negeri dalam hal yang melibatkan agama Islam dan hukum syara'. Pemisahan ini menjadikan Islam merupakan hak eksklusif bagi negeri-negeri.

³ Mohd. Mohadis Yasin, ‘Pengurusan dan Penyelarasaran Fatwa: Perlaksanaan dan Cabaran di Malaysia,’ *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 1/1 (2007): 125.

⁴ Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali, Rahimin Affandi Abd Rahim & Raihanah Hj. Azahari, ‘Metode Pengeluaran Fatwa di Antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulamak Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan’ (Makalah, Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005).

⁵ Hamid Jusoh, *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 34-35; Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *Sistem Undang-Undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 172.

Walaupun MJFMK ditubuhkan ia hanya berfungsi untuk memberi saranan dan sebarang keputusan yang diputuskan adalah bersifat tidak mengikat.⁶ Oleh itu, negeri-negeri tidak terikat untuk melaksanakan ketetapan MJFMK. Lantaran itu, terdapat beberapa fatwa telah berlaku perbezaan antara institusi fatwa mahupun dengan MJFMK. Antara fatwa tersebut adalah fatwa mengenai ESQ, Zakat Pendapatan⁷ dan Zakat KWSP.

Berikutan daripada itu, artikel ini akan melakukan analisis fatwa-fatwa zakat KWSP yang dilihat wujudnya perbezaan. Analisis dilakukan dengan menilai keputusan fatwa zakat KWSP tersebut dari perspektif fiqh yang melibatkan data-data kepustakaan. Perbahasan akan dimulai dengan memberi pengenalan ringkas terhadap KWSP, menyenaraikan keputusan fatwa zakat KWSP di Malaysia dan selanjutnya melakukan rumusan dan perbincangan terhadap fatwa-fatwa tersebut.

SISTEM KWSP

KWSP merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. KWSP disertai oleh pekerja sektor swasta dan pekerja sektor awam yang masih belum penced. Jadual Ketiga Akta KWSP memperuntukkan setiap peserta atau ahli perlu mencarum sebanyak 11% daripada pendapatan yang diperolehi untuk mendapatkan manfaat persaraan. Majikan juga perlu mencarumkan sebanyak 13% atau 12% bagi pihak pekerjanya sebagai satu tanggungjawab undang-undang

Wang yang dicarum ke dalam KWSP akan dilaburkan melalui beberapa instrumen kewangan yang terpilih.⁸ Jumlah caruman yang dilakukan oleh ahli boleh dikeluarkan dalam satu-satu masa tertentu beserta jumlah dividen setiap tahun sebanyak 2.5%. Oleh itu ahli akan memperolehi wang miliknya yang

⁶ JAKIM, ‘Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>, dicapai pada 6 Februari 2013; INFAD, ‘Institusi Fatwa Peringkat Kebangsaan di Malaysia,’ http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?option=com_content&view=article&id=26&Itemid=53, dicapai pada 24 Januari 2013.

⁷ Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail & Mohd Anuar Ramli, ‘Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 10 (2013): 38-40.

⁸ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *Laporan Tahunan 2014* (Kuala Lumpur: KWSP, 2015), 3.

terdapat di dalam KWSP dengan jumlah yang banyak melebihi dari simpanan yang telah dibuat

Pada tahun 2017, pihak KWSP telah mengumumkan satu skim baharu iaitu skim Simpanan Shariah bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan mengenai ketidakpatuhan pelaburan KWSP menurut perspektif syarak. Berbeza dengan amalan KWSP sebelum ini, akad wakalah telah digunakan dalam Simpanan Shariah yang mana pihak pencarum akan melantik Lembaga KWSP sebagai wakil atau pemegang amanah untuk mengurus dan melakukan pelaburan terhadap amaun dalam kredit akaun pencarum KWSP.⁹

KEPUTUSAN FATWA ZAKAT KWSP

Zakat harta yang terdapat di dalam KWSP telah mendapat perhatian institusi fatwa di Malaysia. Hal ini berikutan kekeliruan masyarakat tentang status wang yang terdapat di dalam KWSP adakah mencukupi syarat untuk dizakatkan. Terdapat beberapa buah negeri yang telah memutuskan fatwa mengenai zakat KWSP iaitu negeri Johor, Terengganu, Selangor, Sarawak dan Perlis. Di peringkat kebangsaan MJFMKBHEUIM juga telah mengeluarkan fatwa berkenaan zakat KWSP. Gambaran umum keputusan fatwa tersebut adalah sebagaimana jadual berikut;

Jadual 1: Keputusan Fatwa Zakat KWSP di Malaysia

Bil.	Negeri	Tajuk Fatwa	Tahun	Status Pewartaan
1.	Johor	Pengeluaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	1970	Tidak diwartakan
2.	Johor	Zakat KWSP, wajib atau tidak?	2008	Diwartakan
3.	Johor	Keharusan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran Atau Penerimaan	2012	Tidak diwartakan
4.	Johor	Pengeluaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	2012	Tidak diwartakan
5.	Terengganu	Zakat Wang KWSP	1993	Tidak diwartakan
4.	Selangor	Fatwa Tentang Kaedah Pembayaran Zakat KWSP	2001	Diwartakan
5.	Selangor	Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran- Satu Alternatif	1970	Diwartakan (pada tahun 2007)

⁹ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, ‘Akad Simpanan Shariah,’ <http://www.kwsp.gov.my/documents/20126/131466/akad-simpanan-shariah-bm-final.pdf/a4bbfd0e-983e-924e-cdc5-fbb53b8e99cd>, dicapai pada 8 Julai 2019.

Konflik Antara Fatwa-Fatwa Zakat ke Atas Wang Caruman dalam
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Malaysia: Analisis Fiqh

Bil.	Negeri	Tajuk Fatwa	Tahun	Status Pewartaan
6.	Selangor	Menentukan Satu Kaedah Tetap Bagi Zakat KWSP	2001	Diwartakan
7.	Sarawak	Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif	2007	Tidak diwartakan
8.	Perlis	Adakah Wang KWSP Wajib Dikeluarkan Zakat	-	Tidak diwartakan
9.	MJFMK	Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif	2006	Tidak diwartakan
10.	MJFMK	Zakat Wang KWSP	1982	Tidak diwartakan

Sumber: Laman web e-fatwa.gov.my

Terdapat 9 keputusan fatwa mengenai zakat KWSP yang telah diputuskan berdasarkan carian di dalam laman e-fatwa.gov.com. Fatwa mengenainya telah diputuskan seawal tahun 1970 dan masih diperbincangkan sehingga ke hari ini. Daripada 9 fatwa tersebut didapati wujudnya perbezaan keputusan fatwa yang telah diputuskan. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telah memutuskan bahawa zakat KWSP perlu dilaksanakan setelah ia diterima dan melalui *hawl* setahun, teks fatwa adalah sebagaimana berikut:¹⁰

“Jawatankuasa berpendapat bahawa wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diwajibkan zakat apabila pekerja berkenaan menerima wang carumannya dan carumannya itu cukup nisab dan sampai haul dikira bermula daripada tarikh pekerja berkenaan menerima wang caruman itu.”

Walau bagaimanapun, fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu ini tidak diwartakan. Keputusan fatwa negeri Terengganu tersebut dilihat berbeza dengan fatwa yang diputuskan di negeri Johor dan Selangor yang mana Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 14 Jun 2012 telah memutuskan.¹¹

“Pencaruman kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP) adalah diharuskan mengeluarkan zakat sejurus menerima

¹⁰ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Wang KWSP,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11575>, dicapai pada 5 November 2015.

¹¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Keharusan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran Atau Penerimaan,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10890>, dicapai pada 5 November 2015.

atau mengeluarkan kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP) tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun.”

Fatwa tersebut juga tidak diwartakan. Fatwa zakat KWSP yang diwartakan di negeri Johor adalah fatwa yang mewajibkan zakat KWSP setelah cukup *haul* setahun Hijrah setelah penerimaannya.¹² Manakala Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Selangor pula telah memutuskan:¹³

“(i) apabila menerima wang KWSP, seseorang hendaklah menunggu setahun bagi mencukupi haul barulah dikeluarkan zakat 2.5%; atau

(ii) apabila menerima wang KWSP, seseorang bolehlah terus mengeluarkan zakat 2.5% tanpa menunggu tempoh setahun kerana dikhawatiri wang tersebut akan berkurangan dari segi nisabnya yang tidak wajib dikenakan zakat lagi.”

Fatwa ini telah diputuskan dan diwartakan pada 30 Ogos 2001. Fatwa ini memberi pilihan samada membayar zakat selepas cukup setahun penerimaan wang KWSP atau membayar segera zakat harta berkenaan tanpa menunggu berlalunya tempoh setahun. Namun di dalam teks fatwa yang lain (juga diwartakan pada 30 Ogos 2001) terdapat pertambahan satu lagi kaedah pengiraan zakat KWSP sebagaimana berikut:¹⁴

“Wang Simpanan KWSP adalah wajib dikeluarkan zakat sekiranya cukup haul dan sampai nisab. Sebaik-baiknya zakat itu di bayar daripada wang simpanan tersebut. Jika sukar untuk mengeluarkan wang simpanan itu, maka harus ditangguhkan pembayaran zakat sehingga dikeluarkan kelak. Sekiranya melalui beberapa tahun, maka hendaklah dikira mengikut bilangan tahun dan wang yang tersimpan pada masa itu. Walaubagaimanapun, jika zakat dikeluarkan pada setiap tahun dengan wang yang lain dikira sah kerana nilaiang wang adalah sama.”

¹² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat KWSP: Wajib atau Tidak,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10603>, dicapai pada 5 November 2015.

¹³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran- Satu Alternatif,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11473>, dicapai pada 5 November 2015.

¹⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Menentukan Satu Kaedah Tetap Bagi Zakat KWSP,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menentukan-satu-kaedah-tetap-bagi-zakat-kwsp>, dicapai pada 5 November 2015.

Kaedah pengiraan yang dikemukakan dalam fatwa negeri Selangor iaitu yang memberi pilihan antara membayar segera atau selepas cukup setahun adalah selaras dengan keputusan MJFMK Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 yang memutuskan bahawa:¹⁵

“Mazhab Syafie menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Jumhur Ulama’ berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.”

Jika dirujuk dalam jadual satu terdapat satu fatwa MJFMK yang telah diputuskan pada tahun 1982 berkaitan zakat KWSP. Namun fatwa tersebut telah dipindah dengan keputusan fatwa pada tahun 2006. Lembaga Fatwa Negeri Sarawak didapati mengeluarkan fatwa hampir serupa dengan MJFMK. Fatwa zakat KWSP di negeri Perlis sedikit berbeza dengan fatwa-fatwa negeri lain dan MJFMK. Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis telah memutuskan bahawa:¹⁶

“Wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti yang berkuatkuasa sekarang ini tidak diwajibkan zakat ke atas pencarumannya kerana wang tersebut bukan milik sempurna bagi pencarum.”

Selanjutnya, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis memberikan penjelasan dan kaedah untuk mengenakan zakat bagi wang KWSP sebagaimana berikut:¹⁷

“Oleh kerana jumlah wang tersimpan dalam KWSP adalah melebihi nisab dan mencukupi haul maka ianya tetaplah wajib zakat. Oleh itu Jawatankuasa Syariah berpendapat pihak KWSP bertanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihak pencarum-pencarum Islam sepertimana yang diamalkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.”

¹⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: JAKIM, 2012), 99.

¹⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat KWSP,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11055>, dicapai pada 5 November 2015.

¹⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat KWSP’.

Walau bagaimanapun, keputusan fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis adalah tidak diwartakan. Sebelum perbincangan dilanjutkan, sebaiknya dijelaskan mengenai kedudukan fatwa yang diwartakan dan yang tidak diwartakan di Malaysia. Fatwa yang diwartakan adalah fatwa yang diputuskan oleh mufti atau jawatankuasa fatwa. Fatwa tersebut mendapat perkenan Sultan atau Raja. Bagi sesetengah negeri fatwa tersebut mestilah mendapat kelulusan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat undang-undang negeri seterusnya diwartakan dalam warta kerajaan. Fatwa yang diwartakan di sesebuah negeri akan menjadi undang-undang dan mengikat setiap orang Islam yang berada di negeri tersebut.¹⁸

Fatwa yang tidak diwartakan pula adalah fatwa yang tidak dijadikan undang-undang. Namun fatwa tersebut dianggap sebagai fatwa rasmi, ini berikutan apabila sesuatu fatwa itu dipohon secara rasmi melalui surat atau pertanyaan akan dianggap sebagai dokumen kerajaan dan tertakluk kepada peraturan yang berkaitan dengannya.¹⁹ Oleh itu, hanya fatwa kategori pertama sahaja yang mengikat, manakala kategori kedua tiada sebarang implikasi undang-undang. Dalam konteks perbincangan di sini pewartaan fatwa atau tidak adalah tidak diambil kira dan tidak ada apa-apa kesan kerana penganalisaan yang dilakukan adalah bersifat fiqh semata-mata tanpa melihat dari sudut penguatkuasaan undang-undang.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Daripada keputusan-keputusan fatwa yang telah dibincangkan kajian mendapati fatwa-fatwa tersebut boleh dikelompokkan ke dalam dua tema (keputusan fatwa). Secara kasarnya tema tersebut adalah mewajibkan zakat bila cukup *hawl* dan *niṣāb* dan mewajibkan zakat tanpa menunggu *hawl*, rujuk jadual berikut;

Jadual 2: Rumusan Perbezaan Fatwa Zakat KWSP

Bil.	Fatwa	Institusi
1.	Zakat KWSP diwajibkan apabila cukup <i>niṣāb</i> dan melalui <i>hawl</i> setahun dari tempoh terima	Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

¹⁸ Ahmad Hidayat Buang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali, ‘Bentuk dan Statistik Fatwa,’ dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 124.

¹⁹ Farahwahida Mohd Yusof, *Fatwa: Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia* (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 13.

Bil.	Fatwa	Institusi
2.	Zakat KWSP boleh dibayar sejurus terima tanpa menunggu <i>hawl</i>	MJFMK, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Selangor, Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.
3.	Zakat dibayar oleh KWSP bagi pihak pencarum (kaedah bayaran tidak dinyatakan)	Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

Sumber: Analisis penulis

Walau bagaimanapun, jika diamati terdapat beberapa tempat lain di dalam fatwa-fatwa yang telah diputuskan mempunyai perbezaan. Perbezaan tersebut adalah;

- a) Selangor memutuskan (dalam salah satu kaedah bayaran) zakat KWSP perlu dikeluarkan bagi tahun diterima dan tahun-tahun yang berlalu.
- b) Perlis mencadangkan bahawa pihak KWSP perlu membayar zakat bagi pihak pencarumnya.

Dalam penentuan zakat ke atas wang simpanan dalam KWSP syarat pertama yang perlu dipatuhi ialah milik sempurna (*al-milk al-tam*). Milik sempurna merupakan salah satu syarat bagi harta untuk dikenakan zakat. Ulama empat mazhab bersepakat bahawa milik sempurna merupakan syarat wajib zakat.²⁰ Pemilikan sempurna adalah merujuk kepada pemilikan terhadap dua aspek iaitu benda dan manfaat. Ulama juga mengistilahkan pemilikan sempurna sebagai memenuhi pemilikan *al-yad* (harta berada dalam tangan) dan pemilikan *al-raqabah* (harta dibawah kuasa dan kawal selia).²¹

Al-Zabidī menjelaskan konsep pemilikan sempurna (*al-milk al-tam*) sebagai apa yang terangkum padanya kuasa milik dan kuasa mengurus. Sekiranya wujud kuasa milik tanpa kuasa mengurus seperti memiliki barang belian sebelum penyerahan, dan mahar sebelum penyerahan atau mempunyai kuasa mengurus tetapi tiada kuasa milik seperti hamba al-mukatab dan hutang maka tidak wajib untuk dizakatkan.²²

²⁰ Ni'mat 'Abd al-Latīf Masyhūr, *al-Zakāh: al-Asās al-Shar'iyyah wa al-Dawr al-Inmā'i wa al-Tawzī'* (Bayrūt: Mu'asah al-Jam'iyyah li al-Dirāsāt wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1993), 29.

²¹ Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kasānī, *Baḍā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 390.

²² Abū Bakr bin 'Alī al-Zabidī, *al-Jawharah al-Nayyirah Sharḥ Mukhtaṣar al-Qaydūrī*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2009), 285.

Al-Dasuqi pula menjelaskan pemilikan sempurna terdiri daripada dua aspek penting iaitu milik dan kesempurnaannya. Oleh itu, tidak dikenakan zakat bagi harta yang dirampas dan harta yang dijumpai kerana tidak wujud unsur milik dan tidak dikenakan zakat ke atas hamba dan orang yang berhutang kerana tidak mempunyai kesempurnaan dalam pemilikan.²³ Justeru dapat dirumuskan maksud pemilikan sempurna adalah:²⁴

- a) Sesuatu yang berada dalam tangan pemilik dan tidak berkait dengan milik orang lain.
- b) Mempunyai hak untuk menjalankan transaksi mengikut kehendaknya, faedah dan hasil yang diperolehi daripada harta tersebut adalah miliknya

Terdapat dua kriteria asas milik sempurna iaitu; pertama, harta berada di bawah kekuasaannya dan kedua, harta tersebut berada pada tangannya.²⁵ Syarat milik sempurna ini yang mendasari perbincangan isu zakat KWSP serta kaedah bayarannya. Ia bagi menentukan bilakah wang KWSP telah dianggap dimiliki oleh pencarum secara sempurna yang mewajibkan pencarum membayar zakat, yang membawa kepada isu teknikal dalam kaedah pembayaran zakat dalam fatwa-fatwa yang ada. Isu-isu teknikal itu boleh dikelompokkan dalam tiga isu berikut, iaitu:

- a) Isu aplikasi syarat *hawl*
- b) Isu membayar zakat KWSP bagi tahun-tahun yang berlalu (iaitu tahun-tahun di mana wang KWSP masih belum diperolehi).
- c) Isu pihak KWSP membayar zakat bagi pihak orang lain.

APLIKASI SYARAT *HAWL*

Jika diamati keputusan fatwa negeri Johor dan Terengganu mensyaratkan harta KWSP dizakatkan apabila melalui *hawl* setahun selepas ia diterima. Syarat *hawl* ini adalah syarat yang disepakati oleh empat mazhab. Pendapat tersebut berasaskan sabda Rasulullah SAW:

لَا زَكَاةٌ فِي مَالٍ حَتّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ

²³ Muḥammad ‘Arafah al-Dasuqī, *Hāshiyah al-Dasuqī ‘ala Sharh al-Kabīr*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 44.

²⁴ Maṇṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘*, vol. 2 (Bayrūt: ‘Alīm al-Kutub, 1983), 170.

²⁵ Rif’at Abd. al-Latif Masyhur, *Zakat Penjana Ekonomi Islam*, terj. Abu Mazaya (Kuala Lumpur: al-Hidayah, 2002), 46.

“Tidak (wajib) zakat pada sesuatu harta sampai harta itu melalui ḥawl setahun.”²⁶

Oleh itu keputusan fatwa negeri Johor dan Terengganu tidak mengambil kira wang pencarum semasa dalam simpanan KWSP sebagai mencukupi syarat milik sempurna dan pemilikan sempurna berkenaan bermula setelah ianya diterima dan telah berlalunya tempoh *ḥawl* setahun. Keputusan MJFMK, negeri Selangor dan Sarawak juga pada asasnya menerima syarat *ḥawl* bagi zakat KWSP. Walaupun begitu, mereka menyatakan zakat boleh dikeluarkan sebelum tiba *ḥawl*. Pendapat ini adalah berdasarkan *ta’jil al-zakāt* iaitu menyegerakan pembayaran zakat yang diharuskan oleh jumhur fuqaha selain mazhab Mālikī.²⁷

Pembayaran zakat selepas wang KWSP diterima oleh pencarum berkait rapat dengan perbahasan milik sempurna. Fatwa yang diputuskan ini dilihat cenderung menyatakan wang yang terdapat di dalam KWSP bukan milik sempurna pencarum. Oleh kerana itu, kewajipan zakat KWSP bermula daripada waktu pencarum menerima wang tersebut.

ISU MEMBAYAR ZAKAT KWSP BAGI TAHUN-TAHUN YANG BERLALU

Di dalam fatwa negeri Selangor, terdapat satu kaedah yang dikemukakan menyatakan bahawa bayaran zakat KWSP perlu dibayar bagi tahun-tahun yang berlalu. Asasnya pendapat ini berteraskan harta yang terdapat di dalam KWSP adalah milik sempurna pencarum, namun ia tidak dapat dikeluarkan untuk kegunaan atau bayaran zakat. Oleh itu, zakat diwajibkan bagi harta yang terdapat di dalam KWSP dan perlu dibayar saban tahun. Sekiranya wujud kesukaran, maka pembayaran boleh ditangguhkan dan akan dibayar ketika harta tersebut diterima.

Asasnya perbincangan ini adalah termasuk dalam isu hutang yang dibayar kepada pembayar zakat. Ulama telah membahagikan dua jenis hutang, iaitu hutang yang ada harapan untuk dipulangkan dan hutang yang tiada harapan dipulangkan pada tempohnya. Dalam kes KWSP, ia seumpama hutang

²⁶ Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah*, vol. 1 (Qāhirah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 571, “Kitāb al-Zakāh”, no. hadis 1792.

²⁷ Yaḥyā Ibn Sharf al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, vol. 2 (Riyāḍ: Dār al-‘Alam al-Kutub, 2003), 7; Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 274; Al-Qurrah Daḡhī, ‘Alī, *Haqībah Tālib al-‘Ilm al-Iqtisādiyyah*, vol. 12 (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2013), 542.

yang ada harapan untuk dipulangkan dalam satu jangka tempoh yang telah ditetapkan. Bagi situasi hutang ini, ulama berbeza pendapat tentang kaedah pembayaran zakatnya sebagaimana berikut;

- a) Pendapat pertama; wajib mengeluarkan zakat atas hutang tersebut walaupun belum menerimanya lagi (belum dipulangkan). Ia merupakan pendapat ‘Uthmān bin ‘Afṣān, Ibn ‘Umar dan Jābir RA²⁸, pendapat dalam mazhab al-Shāfi‘ī²⁹ dan satu riwayat dari Imam Ahmad.³⁰ Hujah bagi pendapat ini adalah *qiyās* hutang tersebut dengan kontrak *wadī’ah*. Kerana wang yang disimpan dalam akad *wadī’ah* wajib dizakatkan begitu jugalah hutang yang ada harapan dipulangkan.³¹
- b) Pendapat kedua; zakat diwajibkan selepas hutang tersebut diterima dan bagi tahun tersebut dan tahun-tahun yang berlalu. Pendapat ini didokong oleh ‘Alī, ‘Ā’ishah RA dan ia merupakan pendapat dalam mazhab Ḥanbalī.³² Hujah bagi pendapat ini adalah terdapat athar dari para sahabat seperti ‘Alī bin Abī Ṭālib, Ibn ‘Umar dan ‘Ā’ishah RA yang menunjukkan tidak wajib zakat pada hutang sehingga ia diterima.³³ Wajib dikeluarkan zakat bagi tahun-tahun sebelumnya selepas diterima hutang tersebut kerana hutang merupakan milik tuannya sama seperti hara-harta zakat yang lain.³⁴
- c) Pendapat ketiga pula menjelaskan wajib zakat pada hutang tersebut selepas diterima untuk tahun pertama sahaja (tahun di mana hutang itu dipulangkan).

²⁸ Abū ‘Ubayd, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt: Dār al-Shurūq, 1989), 535.

²⁹ ‘Abd al-Mālik al-Juwainī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Darāyat al-Madhhāb*, vol. 3 (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2007), 330.

³⁰ Maṇṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘*, vol. 2 (Makkah: Matba‘ah al-Hukūmah, 1394H), 199; ‘Abd al-Rahmān bin Muhammad al-Najdī (ed.), *Hāshiyah al-Rawd al-Murabbi’ Sharḥ Zadd al-Mustaqni‘* (t.t.p.: t.p., 1429H), 174.

³¹ Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifatī Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, 1997), 603; Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, vol. 4 (Qāhirah: Hajar, 1992), 270.

³² Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, vol. 4, 269; ‘Abd al-Rahmān bin Muhammad al-Najdī (ed.), *Hāshiyah al-Rawd al-Murabbi’ Sharḥ Zadd al-Mustaqni‘*, 174-175.

³³ Lihat Ibn Abī Shaybah, *al-Muṣannaf*, vol. 6 (Jeddah: Dār al-Qiblah, 2006), 485-487; ‘Abd al-Razzāq al-Šan‘ānī, *al-Muṣannaf*, vol. 4 (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1976), 99-100.

³⁴ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, vol. 4, 270.

Ia merupakan pendapat dalam mazhab Mālikī³⁵ dan satu riwayat dari Imam Ahmad.³⁶ Hujah bagi pendapat ini adalah kewajipan zakat bersandarkan *imkan al-addā'* (dapat dilaksanakan), sedangkan hutang tidak mungkin dilaksanakan sebelum diterima bahkan ia dapat direalisasikan selepas penerimaan.³⁷

- d) Pendapat keempat yang menyatakan bahawa zakat tidak diwajibkan pada hutang dalam situasi tersebut. Ia merupakan pendapat ‘Ikrimah, satu riwayat Imam Ahmad³⁸ dan mazhab al-Zāhirī.³⁹ Menurut pendapat ini hutang merupakan harta yang tidak subur sedangkan kewajipan zakat dikenakan atas harta-harta yang subur.⁴⁰

Hakikatnya perbincangan zakat hutang adalah berteraskan perbincangan milik sempurna. Ulama berbeza pendapat menentukan kewajipan zakat pada hutang yang berada pada tangan penghutang kerana perbezaan dalam menentukan kedudukan hutang tersebut sama ada milik sempurna atau bukan. Walau bagaimanapun setiap pendapat di dalam isu ini didokong oleh hujah dan alasan yang tersendiri. Walaupun begitu pendapat yang kuat adalah zakat diwajibkan pada hutang sekiranya genap *ḥawl* dan mencukupi *niṣāb*. Ini kerana kekuatan hujah pendapat yang pertama, di samping dokongan hujah-hujah yang mewajibkan zakat pada hutang dalam pendapat-pendapat lain.⁴¹ Begitu juga terdapat riwayat *athar* dari kalangan sahabat yang jelas menunjukkan kewajipan zakat atas hutang. Abū ‘Ubayd menyatakan:

“Adapun yang aku pilih dari pendapat ini adalah bersandarkan hadis-hadis (athar-athar) yang telah kami sebutkan daripada ‘Umar, ‘Uthmān, Jābir dan Ibn ‘Umar. Kemudian pendapat para al-Tābi‘in selepasnya iaitu al-Ḥasan, Ibrāhīm, Jābir bin Zayd, Mujāhid, Maymūn bin Mihrān bahawasanya dia menzakatkannya (hutang) pada setiap tahun bersama-sama harta yang ada (pada

³⁵ Mālik bin Ānas, *al-Mudawwanah*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 315; Muhammad al-Dussūqī, *Hāshiyah al-Dussūqī ‘ala Sharḥ al-Kabīr*, vol. 1 (Qāhirah: Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 466.

³⁶ Ibn Qudāmah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, vol. 4, 270.

³⁷ Muhammad al-Dussūqī, *Hāshiyah al-Dussūqī ‘ala Sharḥ al-Kabīr*, vol. 1, 466.

³⁸ Ibn Qudāmah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, vol. 4, 270; ‘Alī bin Sulaymān al-Mardāwī, *al-Insāf fī Ma ‘rifah al-Rajīḥ min al-Khilāf*, vol. 3 (t.t.p: al-Mālik al-Sa‘ūd, 1956), 17.

³⁹ ‘Alī bin Ahmad Ibn Ḥazm, *al-Muḥalla*, vol. 6 (Qāhirah: Dār al-Turāth, t.t.), 103.

⁴⁰ Ibn Qudāmah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, vol. 4, 270.

⁴¹ ‘Abd Allāh bin Mansūr al-Ghāfiṭī, *Nawāzil al-Zakāh: Dirāsah Fiqhīyyah Ta’sīliyyah li Mustajaddati al-Zakāh* (Riyāḍ: Dār al-Mīmān, 2008), 204.

tangan) jika hutang tersebut pada orang yang dipercayai dan mampu, ini kerana ketika itu (hutang tersebut) sama seperti apa-apa (harta) yang berada pada tangannya dan di rumahnya... ”⁴²

Fatwa negeri Selangor dilihat telah memilih pendapat kedua dalam isu ini. Dalam erti kata lain fatwa negeri Selangor berpendapat bahawa harta yang terdapat di dalam simpanan KWSP adalah milik sempurna pencarum. Oleh itu, kewajipan zakat akan bermula jika simpanannya cukup *niṣāb*. Jika wang tersebut tidak dapat dikeluarkan untuk tujuan membayar zakat, pembayaran zakat boleh ditangguhkan⁴³ atau diganti dengan harta lain.

ISU PIHAK KWSP MEMBAYAR ZAKAT BAGI PIHAK ORANG LAIN

Fatwa negeri Perlis telah mengemukakan cadangan agar pihak KWSP membayar zakat bagi pihak pencarum. Hal ini kerana harta yang tersimpan di dalam simpanan KWSP diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat *niṣāb* dan *ḥawl*. Oleh kerana pencarum tidak dapat menggunakan harta di dalam KWSP untuk membayar zakat adalah lebih baik pihak KWSP menjalankan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat bagi pihak pencarum.

Asasnya fatwa negeri Perlis juga selaras dengan fatwa negeri Selangor dari sudut isu pemilikan sempurna harta simpanan KWSP. Fatwa negeri Perlis didapati menganggap bahawa harta yang tersimpan dalam KWSP adalah bukan milik sempurna pencarum dan dicadangkan supaya zakat dibayar oleh KWSP apabila cukup *ḥawl* dan *niṣāb*. Namun, fatwa negeri Perlis tidak mengemukakan kaedah pembayaran zakat KWSP sekiranya pencarum tidak membayar zakat simpanannya sehingga harta tersebut diterima sebagaimana yang dicadangkan dalam fatwa negeri-negeri lain di atas.

Walaupun begitu, dari segi realitinya di dalam sistem KWSP pencarum tidak boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan wang caruman bila-bila masa. Walaupun caruman tersebut adalah miliknya namun ia masih tertakluk kepada syarat dan peruntukan undang-undang⁴⁴ yang mengekangnya daripada dikeluarkan. Atas dasar itu, ia dianggap bukan milik sempurna ahli atau pencarum kerana ia tidak berada pada tangannya mahupun di bawah kekuasaannya.

⁴² Abū ‘Ubayd, *Kitāb al-Amwāl*, 535.

⁴³ Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, *Pedoman Zakat* (Semarang: PT Pustaka Rizki Putra, 2006), 52.

⁴⁴ Sebagaimana yang termaktub dalam seksyen 54 (1), seksyen 54C dan seksyen 55A Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Daripada perspektif lain, pihak KWSP boleh membayar zakat bagi pihak pencarum, khususnya dalam skim Simpanan Shariah. Hal ini berikutan kontrak yang termetrai antara pencarum dan KWSP adalah kontrak *wakalah*, bermakna harta yang dicarumkan adalah hak milik pencarum. Walau bagaimanapun, kontrak *wakalah* untuk membayar zakat bagi pihak pencarum perlu jelas dan mendapat persetujuan daripada pencarum. Jika pencarum tidak bersetuju atau enggan untuk mewakilkan KWSP dalam pembayaran zakat, pembayaran tersebut tidak sah.

KESIMPULAN

Sememangnya diakui wujud perbezaan keputusan fatwa berkaitan zakat wang simpanan KWSP di Malaysia. Perbezaan ini jika diamati adalah berasaskan perbezaan institusi fatwa dalam menentukan sama ada simpanan KWSP merupakan milik sempurna pencarum atau bukan. Selain itu, perbezaan mentarjihkan pandangan yang diputuskan fuqaha silam juga mempengaruhi perbezaan fatwa antara negeri-negeri.

Perbezaan ini kesan daripada perspektif badan fatwa yang berkaitan tentang pemilikan sempurna, yang mana kesannya membawa kepada perbezaan aplikasi kaedah pengiraan *ḥawl* dan *takyīf fiqhī* kepada isu hutang yang berada di tangan orang lain.

RUJUKAN

- ‘Abd Allāh bin Manṣūr al-Ghāfiṭī, *Nawāzil al-Zakāh: Dirāsah Fiqhīyyah Taṣlīyyah li Mustajaddati al-Zakāh* (Riyāḍ: Dār al-Mīmān, 2008).
- ‘Abd al-Mālik al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Darāyat al-Madhab*, vol. 3 (Jeddah: Dār al-Mīnhāj, 2007).
- ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad al-Najdī (ed.), *Hāshiyah al-Rawd al-Murabbi’ Sharḥ Zadd al-Mustaqni’* (t.t.p.: t.p., 1429H).
- ‘Abd al-Razzāq al-Ṣan‘ānī, *al-Muṣannaf*, vol. 4 (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1976).
- ‘Alī bin Aḥmad Ibn Ḥazm, *al-Muḥalla*, vol. 6 (Qāhirah: Dār al-Turāth, t.t.).
- ‘Alī bin Sulaymān al-Mardāwī, *al-Insāf fī Ma’rifah al-Rajīh min al-Khilāf* (t.t.p: al-Mālik al-Sa‘ūd, 1956).
- Abū ‘Ubayd, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt: Dār al-Shurūq, 1989).
- Abū Bakr bin ‘Alī al-Zabidī, *al-Jawharah al-Nayyirah Sharḥ Mukhtaṣar al-Qayduri*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009).

- Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kasānī, *Baḍā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).
- Ahmad Hidayat Buang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali, ‘Bentuk dan Statistik Fatwa,’ dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 117-141.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *Sistem Undang-Undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).
- Farahwahida Mohd Yusof, *Fatwa: Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia* (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2011).
- Hamid Jusoh, *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- Ibn Abī Shaybah, *al-Muṣannaf*, vol. 6 (Jeddah: Dār al-Qiblah, 2006).
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, vol. 4 (Qāhirah: Ḥajar, 1992).
- Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- INFAD, ‘Institusi Fatwa Peringkat Kebangsaan di Malaysia,’ http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?option=com_content&view=article&id=26&Itemid=53, dicapai pada 24 Januari 2013.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran- Satu Alternatif,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11473>, dicapai pada 5 November 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Keharusan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran Atau Penerimaan,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10890>, dicapai pada 5 November 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Menentukan Satu Kaedah Tetap Bagi Zakat KWSP,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menentukan-satu-kaedah-tetap-bagi-zakat-kwsp>, dicapai pada 5 November 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat KWSP,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11055>, dicapai pada 5 November 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat KWSP: Wajib atau Tidak,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10603>, dicapai pada 5 November 2015.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Wang KWSP,’ <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11575>, dicapai pada 5 November 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: JAKIM, 2012).
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *Laporan Tahunan 2014* (Kuala Lumpur: KWSP, 2015).
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. “Akad Simpanan Shariah.” Diakses dari <https://secure.kwsp.gov.my/shariah/download/akad-simpanan-shariah-bm-final.pdf> pada 12 November 2018.
- Mālik bin Ānas, *al-Mudawwanah*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995).
- Manṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘* (Makkah: Maṭba‘ah al-Ḥukūmah, 1394H).
- Manṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘*, vol. 2 (Bayrūt: ‘Alīm al-Kutub, 1983).
- Mohd. Mohadis Yasin, ‘Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Perlaksanaan dan Cabaran di Malaysia,’ *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 1/1 (2007): 119-135.
- Muhammad ‘Arafah al-Dasuqī, *Hāshiyah al-Dasuqī ‘ala Sharḥ al-Kabīr*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- Muhammad al-Dussūqī, *Hāshiyah al-Dussūqī ‘ala Sharḥ al-Kabīr*, vol. 1 (Qāhirah: Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.).
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail & Mohd Anuar Ramli, ‘Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 10 (2013): 38-40.
- Ni‘mat ‘Abd al-Laṭīf Masyhūr, *al-Zakāh: al-Asās al-Shar‘iyyah wa al-Dawr al-Innā‘i wa al-Tawzī‘* (Bayrūt: Mu’asasah al-Jam‘iyyah li al-Dirāsat wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1993).
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali, Rahimin Affandi Abd Rahim & Raihanah Hj. Azahari, ‘Metode Pengeluaran Fatwa di Antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulamak Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan’ (Makalah, Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005).

- Nurazidah Mashan et al., ‘Faktor-faktor Inflasi dan Kesannya Terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP),’ dalam *Prosiding PERKEM VIII* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013).
- Al-Qurrah Daghī, ‘Alī, *Haqībah Tālib al-‘Ilm al-Iqtisādiyyah*, vol. 12 (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2013).
- Rif’at Abd. al-Latif Masyhur, *Zakat Penjana Ekonomi Islam*, terj. Abu Mazaya (Kuala Lumpur: al-Hidayah, 2002).
- Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifatī Ma‘ānī Alfaẓ al-Minhāj*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1997).
- Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, *Pedoman Zakat* (Semarang: PT Pustaka Rizki Putra, 2006).
- Yahyā Ibn Sharf al-Nawawī, *Rawdah al-Tālibīn*, vol. 2 (Riyāḍ: Dār al-‘Alam al-Kutub, 2003).